

Kritikan Sanad Terhadap Riwayat Abu Yazid Al-Bisthomi Dalam Silsilah Tarekat Naqsyabandiyah

[Criticism of the Sanad Concerning the Narration of Abu Yazid al-Bisthami in the Naqshbandi Tariqa Chain]

Mohamad Hafiz Darpen (Corresponding author)

Jabatan Al-Sunnah Wa 'Ulumih, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa
Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Perlis, Malaysia. hafizdarpen@unisiraj.edu.my

Muaz Bin Mohd Ghani Basri

Jabatan Al-Sunnah Wa 'Ulumih, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa
Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Perlis, Malaysia. muazghanibasri@unisiraj.edu.my

Ali Bin Abdul Jalil

Jabatan Al-Sunnah Wa 'Ulumih, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa
Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Perlis, Malaysia. alijalil@unisiraj.edu.my

Article
Progress:

Submission date:
20-05-2025
Accepted date:
20-06-2025

ABSTRACT

Abu Yazid al-Bistami is one of the narrators listed in the Naqshbandi Sufi order's spiritual lineage). A connected chain of transmission (ittisāl al-sanad) is a fundamental condition in determining the authenticity of any sanad. Hadith scholars have established that the first criterion for a hadith to be deemed sahih (authentic) is an unbroken chain of reliable narrators. However, there are several instances within the Naqshbandi spiritual lineage that reveal breaks or disconnections in the chain of transmission. Therefore, this study aims to evaluate the sanad of the Naqshbandi order and examine the chain of narrators involved, with specific attention to the direct connections between each narrator, ensuring no disjunctions occur. The study also seeks to understand the implications of such findings on the validity of the sanad based on the principles of hadith sciences (ʿulūm al-ḥadīth). In terms of methodology, this research adopts a detailed textual analysis of the Naqshbandi sanad, particularly focusing on the relationship between each narrator and their immediate predecessor. A critical approach towards hadith sources is employed to assess the strength and integrity of the chain. Research data is gathered through library research and analysed systematically. The findings of this study are hoped to contribute to a clearer understanding of the reliability criteria for a sanad in the context of hadith scholarship, and to provide useful guidance to hadith scholars and researchers. Ultimately, the quality of the sanad in the Sufi order of Shaykh Nazim al-Haqqani is found to be weak, particularly due to the disconnected links, which adversely affect the credibility of certain Sufi lineages, including that of Shaykh Nazim al-Haqqani.

Keywords: *Naqshbandi, Spiritual lineage of the Sufi order, Syeikh Nazim al-Haqqani, Narrators, Narrators of hadith, Hadith terminology (Mustalah al- Hadith), Authentic Hadith.*

PENDAHULUAN

Naqd (Kritikan) terhadap riwayat hadith merupakan salah satu cara penting untuk menentukan kesahihan sesuatu hadith (M Azizan, Nor & Hamdan, 2024). Hadith, sebagai salah satu sumber utama agama Islam dan warisan Nabi Muhammad s.a.w., telah mengalami perkembangan yang signifikan dalam era moden. Dengan perkembangan teknologi, kemudahan akses terhadap pencarian dan kajian hadith kini semakin meluas melalui platform dalam talian. Akses ini bukan sahaja memudahkan pencarian hadith serta kitab-kitab hadith, tetapi juga memperluas capaian terhadap ilmu yang berkaitan dengannya, sekali gus membuka peluang yang lebih luas bagi masyarakat untuk mendalami ajaran dan pengetahuan hadith dalam konteks kehidupan semasa (Suryadilaga, 2014). Kajian terhadap kualiti sanad dalam ilmu hadith merupakan perbincangan yang luas, ianya termasuk aspek ittisal (sanad yang bersambung) dan inqita' al-sanad (sanad yang terputus). Hadith yang memiliki muttasil al-sanad (sanad yang bersambung) berpotensi dinilai sebagai hadith sahih, kemudian tertakluk kepada kaedah al-Jarh wa at-Ta'dil. Walau bagaimanapun, hadith yang dikategorikan sebagai muttasil al-sanad (sanad yang bersambung) juga perlu dinilai dengan teliti bagi memastikan sama ada riwayat tersebut benar-benar sampai kepada Nabi marfu' atau sekadar terhenti pada sahabat mauquf atau tabi'in maqtu' (Anshori, 2016). Penilaian (tashih) sesebuah hadith merangkumi pelbagai aspek untuk menentukan sama ada hadith tersebut layak diterima atau ditolak. Aspek-aspek ini melibatkan kajian teliti terhadap sanad (rantai perawi) dan matan (teks) hadith, di mana setiap unsur dinilai dari segi kepercayaan, ketepatan, serta konsistensi dengan prinsip-prinsip asas dalam ilmu hadith (Zulkifli, Abd Rahman & Rushihi, 2022).

Tambahan lagi, dalam menjaga dan memelihara 'keaslian' ajaran Islam, para ulama telah merumuskan teori untuk menguji kebasahan sanad melalui kriteria kesahihan hadith. Rumusan ini melibatkan aspek kebersambungan sanad ittisal al-sanad, kualiti ke-tsiqat-an perawi 'adil dan dhabit, serta selamat daripada syaz dan 'illah. Dalam erti kata lain, jika sebuah sanad memenuhi semua syarat ini, ia dianggap sebagai shahih al-isnad. Namun, perlu diingat bahawa ini bukanlah kesimpulan akhir dalam penelitian hadith, kerana sanad hanyalah salah satu elemen yang membentuk hadith secara keseluruhan (Nadhiran, 2014).

PERNYATAAN MASALAH

Hadith merupakan sumber hukum kedua dalam agama Islam. Selain itu, hadith berfungsi sebagai penjelas kepada al-Qur'an serta menjadi panduan umat islam. Setiap hadith perlu melalui proses yang dikenali sebagai kritik hadith. Mengabaikan penilaian sesuatu hadith menyebabkan tersebarinya banyak hadith dhaif (lemah) dan hadith mawdhu' (palsu) dalam kalangan masyarakat. Antara pihak yang bertanggungjawab dalam penyebaran hadith-hadith ini ialah para pendakwah (khatib dan mubaligh) yang kurang menguasai ilmu hadith dengan baik. Mereka sering mengambil hadith daripada sumber yang tidak sahih atau tidak diambil daripada kitab-kitab hadith yang diiktiraf. Akibatnya, penyebaran hadith dhaif (lemah) dan mawdhu' (palsu) ini membawa kepada pelbagai kesan negatif, termasuk munculnya amalan bid'ah serta pengabaian terhadap sunnah Nabi yang sebenar (Sari, 2020).

Kajian yang dicadangkan ini bertitik tolak dari perkembangan semasa dalam bidang hadith dan secara spesifiknya berkenaan kajian terkini mengenai Riwayat al-A'mash dalam Sahih al-Bukhari dalam mengkaji riwayat-riwayatnya di dalam Sahih al-Bukhari. Dalam satu kajian yang bertajuk *Pemikiran Akidah Shaykh Nazim Al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Waljamaah* oleh Kamaruzaman (2020) mencadangkan agar kajian keabasahan sanad tarekat Shaykh Nazim juga di jalankan bagi memastikan tarekat ini bersambung salasilahnya.

Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan dan polemik dalam kalangan sarjana yang mengatakan bahawa sanad tarekat tersebut bersambung, walhal pada hakikatnya terputus dan tidak pun bersambung kepada Nabi Muhammad s.a.w. (Muhammad Asri Yusoff, 2016; Salman Ali, 2022). Ini berdasarkan kefahaman mereka terhadap kaedah ilmu hadith bahawa sesebuah sanad itu dianggap bersambung apabila setiap perawi meriwayatkan hadith secara langsung daripada gurunya sehingga ke penghujung sanad.

Walau bagaimanapun, terdapat seorang sarjana tetap mempertahankan dakwaan tersebut bahawa sanad tarekat Naqsyabandiyyah itu bersambung kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui dua jalur iaitu Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq dan Sayyidina Ali Bin Abi Talib (Al-Akiti, 2022).

Terdapat isu dan permasalahan lain yang mendorong kajian ini mesti dijalankan iaitu kesan kepada masyarakat sehingga ada yang mendatangkan dakwaan-dakwaan yang bercanggah dengan aqidah ahli al-sunnah wa al-jamaah serta melindungi dan menjaga keaslian agama dari di rosakkan dari amalan-amalan yang menyelisihi agama Islam (Ramli, 2022). Malah, ia merupakan

keperluan mendesak semasa kerana sanad tarekat Naqsyabandiyah al-Aliyyah Syeikh Nazim al-Haqqani tidak bersambung atau terputus daripada Nabi Muhammad s.a.w. (Muhammad Asri Yusoff, 2022).

Isu-isu seperti sanad ini menimbulkan kegusaran dan kebimbangan sehingga mendatangkan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas dan menyimpang dalam agama Islam oleh sebahagian pihak dalam kajian-kajian serta ucapan-ucapan mereka (Ramli, 2023). Justeru itu, satu garis panduan kajian sanad ke atas tarekat dan sanad habib perlu di jalankan kerana ada beberapa tindakan yang perlu diambil bagi memastikan selepas ini tidak ada yang mendakwa sesuka hati bahawa dia memiliki sanad hadith yang bersambung kepada Nabi Muhammad s.a.w. melainkan ianya perlu melalui lima syarat hadith sahih.

Kesan kekeliruan ini menjangkau kepada institusi negeri selaku pihak autoriti agama. Sebagai contoh Jabatan Mufti Negeri Perak telahewartakan fatwa pada tarikh 31 Mei 2022 bahawa Tarekat Syeikh Nazim ini boleh diamalkan oleh pengikutnya di Negeri Perak dengan syarat amalan tersebut tidak bercanggah dengan asas aqidah dan syariah (Warta Kerajaan Negeri Perak, 22 Julai 2022).

Berdasarkan realiti yang berlaku, terdapat ruang dan peluang untuk mengkaji keputusan-keputusan fatwa tentang kumpulan tarekat Naqsyabandiyah yang dibenarkan kembali diamalkan di Malaysia setelah difatwakan sesat pada sebelumnya. Justeru, kajian ini akan menganalisis dan menilai dengan lebih mendalam ke atas sanad tarekat Syeikh Nazim al-Haqqani dengan menggunakan kaedah ilmu hadith yang kemudiannya akan menghasilkan garis panduan dalam menilai mana-mana silsilah sanad.

KAJIAN LITERATUR

Sorotan kajian lepas dalam kajian ini di bahagikan kepada dua tema seperti berikut:

a) Pendekatan dalam mengkritik hadis

Perawi yang ‘adil dan kuat ingatan merupakan ciri utama dalam hadith sahih (Dzulraidi, 2025). Dalam satu kajian yang bertajuk Metodologi Muslim Bin Al-Hajjāj Dalam Kritik Perawi: Kajian Terhadap Muqaddimah Sahīh Muslim menjelaskan bahawa metodologi Muslim bin al-Ḥajjāj dalam Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim adalah bersifat sistematik dan terperinci, dengan penekanan khusus terhadap aspek integriti perawi (‘adālah) dan ketepatan ingatan (ḍabt). Beliau juga

menekankan perbincangan berkaitan kelemahan amalan perawi, seperti kegagalan menapis riwayat hadis. Implikasi kajian ini memberikan panduan yang lebih jelas dalam memahami metodologi kritik perawi serta menyumbang kepada penghasilan literatur baharu dalam kajian hadis kontemporari.

Malah dalam satu kajian yang di tulis oleh bin Azlan (2024) yang bertajuk *Kepentingan Menganalisis Status Perawi Hadis Dengan Neraca Ilmu Al-Jarh Wa Al-Ta'dil: Tumpuan Terhadap Status Perawayatan Abu Hanifah*, kajian mendapati Imam Abū Ḥanīfah yang merupakan tokoh terkemuka dalam bidang fiqh Islam juga tidak terkecuali daripada penilaian dan komen para ulama al-Jarḥ wa al-Ta'dīl berhubung kredibilitinya sebagai perawi hadis berdasarkan neraca al-Jarḥ wa al-Ta'dīl.

Dalam satu kajian lain yang ditulis oleh Rahim, Wazir, Solihan & Rosman (2017) dengan tajuk kajiannya; *Kritikan Goldziher Terhadap Riwayat Abu Hurairah: Analisis Terhadap Hadith Anjing Tanaman*, kajian tersebut mengesahkan bahawa terdapat ruang yang wajar untuk penilaian semula terhadap kritikan dan kesimpulan yang dikemukakan oleh Ignaz Goldziher berkenaan hadis perintah membunuh anjing yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Penilaian semula ini penting bagi memastikan kefahaman yang lebih tepat terhadap konteks dan kesahihan riwayat tersebut berdasarkan disiplin ilmu hadis.

b) Pendekatan dalam mengkritik riwayat sirah

Kritikan dan penilaian dalam riwayat sirah menggunakan pendekatan yang seikit longgar dan berbeza jika dibandingkan dengan kritikan ke atas hadis-hadis yang berkaitan dengan hukum ahkam dan lain-lain. Abd Kadir & Roshimah (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Manhaj Kritikan Muḥaddithūn Terhadap Riwayat Sirah Dan Penerapannya Dalam Penulisan Sirah*, kritikan para muḥaddithūn terhadap riwayat-riwayat sirah adalah berdasarkan penilaian terhadap sanad dan matan. Dalam penerapan metodologi ini, sikap murūnah (fleksibiliti) adalah amat penting. Ini dilakukan dengan meletakkan setiap riwayat pada kedudukannya yang tepat, dengan mengutamakan hadis-hadis yang sahih dan ḥasan, di samping bersikap tasāhul dalam perkara-perkara yang dibenarkan berdasarkan disiplin ilmu yang telah ditetapkan.

Dalam satu kajian lain yang di tulis oleh Azizan, Nor & Hamdan (2024) yang bertajuk *Metodologi Kritikan Sanad Riwayat Sirah*, kajian tersebut menunjukkan bahawa Akram Diyā' al-'Umarī mengkritik sanad riwayat sirah dengan pendekatan yang lebih longgar dalam menerima riwayat-riwayat yang lemah, selaras dengan metodologi yang dikemukakan oleh para

ulama hadis. Maka berdasarkan kajian-kajian yang lepas, kritikan ke atas silsilah sanad tarekat ini juga perlu dijalankan bagi mengenalpasti keabsahan sanad tersebut menurut neraca ilmu hadis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis ittisal sanad (sanad yang bersambung) terhadap riwayat Abu Yazid al-Bistami dalam sanad tarekat Naqsyabandi. Reka bentuk kajian yang sesuai digunakan adalah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada jurnal, artikel dan buku sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian memfokuskan perawi yang bermula dari Abu Yazid al-Bisthomi, Ja'far as-Sadiq, Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakr, Salman al-Farsi dan Abu Bakar al-Siddiq. Pengkaji memilih 5 nama sahaja dalam silsilah tersebut bagi tujuan penganalisan. Kaedah analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan data biografi perawi daripada sumber rujukan utama iaitu al-Jarh wa at-Ta'dil oleh ibn Abi Hatim (1952), Siyar A'lam al-Nubala' oleh al-Zahabi dan Al-Isti'ab fi Ma'rifat al-Ashab oleh ibn Abdilbar (1960).

Seterusnya, kesemua sampel tersebut akan dikaji secara terperinci dengan melihat kepada hubungan di antara perawi kepada perawi lain sehingga kepada perawi pada peringkat sahabat. Penilaian-penilaian dari kalangan ulama-ulama hadith terhadap perawi turut akan di analisis menggunakan teknik analisis diskriptif. Kaedah-kaedah ini akan digunakan bagi mendapatkan gambaran sebenar status riwayat Naqsyabandi.

DAPATAN KAJIAN

Sanad menurut bahasa bermaksud sandaran, iaitu sesuatu yang kita bergantung kepadanya, dan bermaksud juga sesuatu yang boleh dipegang dan dipercayai. Manakala menurut istilah, sanad merujuk kepada keseluruhan perawi dalam suatu hadis beserta sifat dan bentuk yang ada pada setiap perawi tersebut (Rahman, 2016).

Sanad, menurut al-Hafiz Badr al-Din bin Jama'ah (1985), sistem penyampaian hadith yang melibatkan silsilah perawi. Dari segi bahasa, ia bermaksud sesuatu yang tinggi atau dapat diandalkan, seperti puncak gunung. Sanad disebut demikian kerana ulama hadith menggunakannya untuk menilai kesahihan atau kelemahan hadith. Isnad merujuk kepada proses menghubungkan hadith kepada pembicara asalnya. Kedua-dua istilah ini digunakan oleh para

muhaddithin untuk merujuk kepada perkara yang sama, iaitu proses menyampaikan dan menilai hadith berdasarkan perawi yang dipercayai. Contoh riwayat imam al-Bukhari dengan sanadnya, ia merujuk kepada rangkaian perawi yang menyampaikan hadith tersebut, bermula dari gurunya sehingga kepada asal sanad, iaitu sahabat yang meriwayatkan hadith daripada Nabi Muhammad s.aw. Oleh itu, apabila seorang muhaddith berkata: Telah memberitakan kepada kami si fulan daripada si fulan", maka itu adalah sanad bagi hadith tersebut. Di bawah adalah contoh hadith beserta sanad imam al-Bukhari bagi menggambarkan maksud sanad:

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شُعْبَةَ، عَنْ عَمْرِو بْنِ مَرْثَدَةَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ، عَنْ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: قَامَ رَجُلٌ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: «أَنْ يَسْلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ يَدِكَ وَلِسَانِكَ».

Maksudnya:

Imam al-Bukhari berkata, Sa'id bin Yahya bin Sa'id al-Qurasyi telah meriwayatkan kepada kami, dia berkata: Ayahku telah meriwayatkan kepada kami, dia berkata: Abu Burdah bin 'Abdullah bin Abi Burdah telah meriwayatkan dari Abu Burdah, dari Abu Musa, dia berkata: Mereka bertanya: "Wahai Rasulullah, Islam manakah yang paling utama?" Beliau bersabda: "Seorang muslim adalah orang yang menyelamatkan kaum muslimin yang lain daripada bencana lidah dan tangannya". [Riwayat al-Bukhari, no. Hadith 9]


Kajian terhadap sanad hadith merupakan aspek yang amat penting dalam disiplin ilmu hadith, kerana dengan mengetahui sanad, seseorang dapat menilai periwayatan hadith tersebut. Selepas berlakunya pemalsuan hadith, kajian terhadap sanad mendapat perhatian yang lebih mendalam. Ibn al-Mubarak (w. 181 H) pernah menyatakan bahawa *isnad* (sanad) adalah sebahagian daripada agama, dan sekiranya sanad itu tiada, nescaya umat manusia akan menyampaikan hadith mengikut kehendak mereka tanpa sebarang asas yang kukuh (Muslim, 1955).

Dalam kajian mengenai ittisal al-sanad (sanad yang bersambung), para ulama hadith menggunakan istilah ini sebagai salah satu kriteria utama untuk menilai kesahihan sesuatu hadith. Para ulama hadith telah menetapkan hadith sahih adalah syarat utama dalam hadith. Menurut Ibn al-Salah (2002), hadith sahih adalah hadith yang sanadnya bersambung melalui periwayatan seorang yang adil dan mempunyai hafalan yang baik, dari seorang yang adil dan mempunyai hafalan yang baik, hingga ke hujung sanadnya, tanpa adanya syaz (percanggahan) atau mu'allal (kecacatan).

Selain itu, dalam kalangan ulama, terdapat istilah *hadith muttasil* atau *mawsul*. Menurut Ibn Salah dan al-Nawawi, *hadith muttasil* atau *mawsul* merujuk kepada *hadith* yang sanadnya bersambung secara langsung, sama ada sampai kepada Nabi atau hanya setakat sahabat sahaja. *Hadis* jenis ini dianggap lebih kukuh kerana setiap perawinya jelas, menghubungkan riwayat tersebut secara lengkap tanpa putus, sekali gus memperkukuhkan kesahihan maklumat yang diriwayatkan (Ibn al-Salah, 1972).

KRITERIA HADITH SAHIIH

Menurut (ibn Hajar, al'asqalani. 2020), *Hadith* sahih adalah *hadith* yang diriwayatkan oleh seorang yang adil dan sempurna dalam ingatannya, dengan sanad yang bersambung, dan tidak bersifat *syaz* (percanggahan) atau *mu'allal* (kecacatan).



Jadual 1: Jadual menunjukkan syarat *hadith* sahih disisi ulama *Hadith* (ibn Hajar, 1993).

Syarat pertama *hadith* sahih adalah sanad yang bersambung, iaitu setiap perawi harus menerima *hadith* secara langsung daripada perawi sebelumnya melalui pendengaran yang jelas. Hubungan sanad ini diterima apabila perawi menyatakan dengan tegas, seperti berkata: "Telah menceritakan kepada kami fulan", "Telah memberitakan kepada kami fulan", atau "Saya mendengar fulan berkata demikian". Jika perawi menggunakan istilah 'an'an (menyebut nama perawi tanpa menyatakan secara jelas bahawa dia mendengarnya), dan jika perawi tersebut dipercayai, maka 'an'an dianggap sah sebagai hubungan sanad yang bersambung menurut pendapat majoriti ahli ilmu. Namun, jika perawi dicurigai kerana *tadlis* (penyembunyian atau pemalsuan), para ulama berbeza pendapat mengenainya, dengan pandangan yang lebih kuat menyatakan bahawa *hadith* tersebut hanya diterima jika perawi secara jelas menyatakan bahawa dia mendengar *hadith* tersebut secara langsung.

Menurut Abu al-Ashbal Hassan al-Zuhayri (t.t), jika sanad terputus, ia akan merosakkan kesahihan *hadith*, bukan kerana kesalahan perawi atau matannya. Syarat kesahihan sanad adalah untuk memastikan silsilah perawi bersambung, tidak ada terputus, sama ada di awal, tengah, atau akhir sanad. Jika pemutusan berlaku di awal sanad, *hadis* itu dipanggil *mu'allaq* (tergantung), jika dua perawi terputus berturut-turut, ia disebut *mu'dhal* (terputus dua perawi secara berturut-turut), dan jika pemutusan berlaku pada perawi sahabat, *hadith* itu dipanggil *mursal* (gugur perawi pada peringkat

sahabat). Semua jenis keputusan ini menjejaskan kesahihan hadith kerana ia memutuskan salah satu syarat utama, iaitu *ittisal sanad* (sanad yang bersambung).

Dalam mengkaji dan mendapatkan maklumat perawi, dapat dilihat melalui kajian terhadap pelbagai kitab yang membincangkan mengenai perawi hadith dari sudut nama, kunyah, laqab, nama guru perawi, nama guru murid dan tarikh kematian yang kerap dijadikan rujukan iaitu kitab *rijal al-Hadith* (perawi hadith). Ilmu ini menumpukan perhatian kepada biodata para perawi hadith, bermula dari zaman sahabat Nabi Muhammad s.a.w. sehingga kepada zaman para *mukharrij al-hadith* itu sendiri (Anshori, 2016).

No.	Nama kitab	Nama Penulis
1.	Tarikh al-Kabir	Imam al-Bukhari
2.	Al-Tabaqat al-Kubra	Ibn Abdilbarr al-Qurthubi
3.	Al-Isti'ab fi Ma'rifati al-Ashab	Ibn Asakir
4.	Tarikh Dimasyq	Ibn Asakir
5.	Usdu al-Ghabah fi Ma'rifah al-Shahabah	Ibn Hajar al-'Asqalani
6.	Al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah	Ibn Hajar al-'Asqalani
7.	Tahzib al-Kamal	Al-Mizzi
8.	Siyar A'lam al-Nubala	Al-Zahabi
9.	Tazkiratul Huffaz	Al-Zahabi
10.	Tarikh al-Baghdad	Al-Khatib al-Baghdadi
11.	Tahzib al-Tahzib	Ibn Hajar al-'Asqalani

Jadual 2: Senarai kitab *rijal al-Hadith* yang menghimpunkan biodata perawi-perawi hadith.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN SANAD ABU YAZID AL-BISTHOMI

Sesuatu hadith perlu dinilai sama ada sesebuah hadith itu layak diterima atau ditolak. Para ulama hadith telah menetapkan lima syarat hadith sahih. Namun, terdapat kaedah lain yang digunapakai dalam *pentashihan* sesebuah hadith khususnya bagi golongan sufi iaitu kaedah kasyaf (Zulkifli et al., 2022). Istilah ini secara literal bermaksud mendedahkan atau membuka *hijab* (penutup). Secara terminologi, ia merujuk kepada pendedahan makna yang tersembunyi dan kebenaran di sebalik teks yang zahir.

Dalam konteks penilaian hadith, *kasyaf* adalah kaedah yang digunakan oleh golongan Sufi kerana mereka tidak mengikuti prinsip dan kaedah penilaian hadith yang dibina oleh pakar hadith. Tradisi penilaian hadith menggunakan kaedah *kasyaf* merupakan kaedah baru yang muncul selepas sekian lama hadith-hadith Nabi dikumpulkan. Kaedah ini muncul antara abad keenam hingga ketujuh Hijrah (Khudori, 2018).

Ahli Hadith	Ahli Sufi
Hadith yang bersambung sanadnya, diriwayatkan oleh orang yang adil dan dhabit serta tidak terdapat didalam hadith itu tiada <i>illah</i> (kecacatan) dan tiada <i>syaz</i> (bertentangan).	Hadith yang ditashih melalui <i>kasyaf</i> dan hadith tersebut ada asalnya dalam sumber hadith yang terkenal.
	Hadith yang ditashih secara <i>kasyaf</i> kebiasaannya hadith yang secara zahirnya lemah dan bukan <i>tadh'if</i> (melemahkan) hadith yang sahih. Hadith tersebut akan ditanya secara langsung kepada Rasulullah s.a.w. Jika positif jawapan Baginda bererti hadith tersebut sahih dan begitu juga sebaliknya.
	Hadith-hadith yang di <i>kasyaf</i> adalah hadith-hadith yang terkenal di kalangan para ulama. Hadith-hadith yang melalui <i>kasyaf</i> mempunyai ciri-ciri berikut:- - Hadith tersebut tidak membina usul baru dalam agama. - Makna hadith hanya melibatkan bab-bab fadhail a'mal.

Jadual 3: Penilaian hadith sahih disisi ulama hadith (Ibn Hajar, 1993) dan ahli sufi (Muhammad Anas, 2019).

Walau bagaimanapun, para ulama hadith telah menetapkan untuk mengetahui sama ada sanad itu bersambung, ulama hadith biasanya akan: (a) mencatatkan nama-nama perawi dalam sanad yang dikaji, (b) memeriksa latar belakang hidup perawi bagi menilai tsiqah dan hubungan guru-murid antara mereka, serta (c) meneliti ungkapan yang digunakan oleh perawi dalam

periwayatan untuk memastikan kesahihan proses penyampaian hadith (M. Syuhudi Ismail, 1988).

No.	Nama Perawi	Tarikh Wafat
1.	Abu Bakr as-Siddiq	13
2.	Salman al-Farsi	35
3.	Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakr	35 - 105
4.	Ja'far as-Sadiq	80 - 148
5.	Tayfur Abu Yazid al-Bisthomi	188 - 261

Jadual 4: Senarai perawi utama silsilah Tarekat Naqsyabandi

Biodata Tayfur Abu Yazid Al-Bisthomi

Sultan al-'Arifin Abu Yazid, Tayfur bin 'Isa bin Shurusyan al-Bisthomi, adalah salah seorang tokoh zahid dan dianggap antara ahli zuhud terkenal. Beliau adalah saudara kepada dua ahli zuhud lain, iaitu Adam dan Ali. Diketahui bahawa datuk mereka, Shurusyan, dahulunya beragama Majusi sebelum memeluk Islam. Dikatakan bahawa datuk beliau pernah meriwayatkan hadith daripada Ismail al-Suddi dan Ja'far al-Sadiq. Walau bagaimanapun, Abu Yazid sendiri hampir mustahil dapat bertemu atau mengambil riwayat secara langsung daripada mereka berdua, kerana jarak generasi. Beliau sangat jarang meriwayatkan hadith, namun ucapan-ucapannya banyak memberikan manfaat dan beliau wafat pada tahun 261 hijrah (al-Zahabi, 2001).

Biodata Ja'far As-Sadiq

Beliau adalah Ja'far bin Muhammad bin 'Ali bin al-Husayn bin 'Ali bin Abi Talib, seorang tokoh dari keturunan Bani Hashim, cucu kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui jalur al-Husayn, anak Sayyidina 'Ali bin Abi Talib. Nasab beliau dari sebelah ibu adalah dari keturunan Abu Bakar al-Siddiq, melalui ibunya, Ummu Farwah binti al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakr. Disebabkan itu, beliau pernah berkata, "Abu Bakar al-Siddiq menjadi datukku dua kali."

Ja'far al-Sadiq amat terkenal dengan ketinggian ilmu dan kejujurannya, seorang imam besar yang dihormati dalam kalangan Bani Hashim dan salah seorang tokoh penting dalam sejarah Islam. Walaupun beliau sangat mencintai keluarganya, Ja'far al-Sadiq menolak pandangan dan sikap golongan Rafidhah yang menghina datuknya dari pihak ibu, Abu Bakar al-Siddiq.

Beliau lahir pada tahun 80 Hijrah, dan pernah bertemu beberapa orang sahabat Nabi,

termasuk Anas bin Malik dan Sahl bin Sa'd. Sikap tegas beliau terhadap Rafidhah yang menghina Abu Bakar menunjukkan kedalaman cintanya terhadap kedua-dua datuknya, 'Ali bin Abi Talib dan Abu Bakar al-Siddiq, serta kepatuhannya kepada prinsip kesatuan umat Islam. Beliau wafat pada tahun 148 hijrah dan dikebumikan di perkuburan Baqi', Madinah al-Munawwarah (al-Dhahabi, 2001).

Nama	Nama
Abu Ja'far al-Baqir	'Atho' bin Abi Rabah
Ubaidullah bin Abi Rafi'	Muhammad bin al-Munkadir
'Urwah bin al-Zubair	Al-Qasim bin Muhammad
Nafi'	Al-Zuhri
Muslim bin Abi Maryam	

Jadual 5: Senarai guru kepada Ja'afar as-Sadiq.

Nama	Nama
Musa al-Kazim	Yahya ibn Said al-Anshori
Yazid bin Abdullah ibn al-Had	Abu Hanifah
Aban ibn Taghlib	Abdul Rahman ibn Jurajj
Muawiyah ibn Ammar	Sufyan
Syu'bah	Malik ibn Anas
Ismail ibn Ja'far	Wahab ibn Khalid
Hatim ibn Ismail	Sulaiman ibn Bilal
Sufyan ibn Uyaynah	Al-Hasan ibn Saleh
Al-Hasan ibn Iyyash	Zuhair ibn Muhammad
Ja'far ibn Ghayyath	Zaid ibn Hasan al-Anmathi
Said ibn Sufyan al-Aslami	Abdullah ibn Maimun
Abdul Aziz ibn Imran al-Zuhri	Abdul Aziz al-Darawardi
Abdul Wahab al-thaqafi	Uthman ibn Farqad
Muhammad ibn Sabit al-Bunani	Muhammad ibn Maimun al-Z'farani
Muslim al-Zanji	Yahya ibn Said al-Qattan
Abu 'Asim al-Nabil	

Jadual 6: Senarai anak murid yang meriwayatkan hadith daripada Ja'afar as-Sadiq.

Menurut (Ibn Abi Hatim, 1952), berkenaan lafaz al-Jarh wa at-Ta'dil kepada perawi: Saya mendengar seseorang bertanya kepada Abu Zur'ah tentang Ja'far bin Muhammad yang meriwayatkan dari ayahnya, Suhail yang juga meriwayatkan dari ayahnya, dan al-'Ala' dari ayahnya, mengenai siapa di antara mereka yang lebih sahih riwayatnya. Abu Zur'ah menjawab: 'Tidak ada yang setara dengan Ja'far di antara mereka'. Saya juga mendengar Abu Hatim berkata: 'Ja'far tidak dapat dibandingkan dengan siapa pun seperti dirinya'. Ja'far dikenal sebagai seorang yang tepercaya dan jujur. Namun, dia tidak setara dengan al-Thabit seperti Syu'bah dalam hal kekuatan riwayat, tetapi lebih tepercaya daripada Suhail dan Ibn Ishaq. Ja'far dianggap setara dengan Ibn Abi Zaid dan orang-orang yang selevel dengannya. Sebagian besar riwayatnya dari ayahnya dianggap mursal. Malah Imam Bukhari tidak meriwayatkannya dalam kitab Al-Sahih, melainkan dalam Kitab Al-Adab dan kitab-kitab lainnya (az-Zahabi, 2001).

Biodata al-Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakar

Al-Qasim bin Muhammad r.a. anak kepada Khalifah Rasulullah s.a.w Abu Bakr as-Siddiq, Abdullah bin Abu Quhafa. Imam, teladan, hafiz, hujah dan juga seorang fuqaha' Tabi'n. Beliau adalah seorang ulama pada zamannya di Madinah bersama dengan Sālim dan Ikrimah. Beliau dikenali sebagai Abu Muhammad dan Abu Abdul Rahman, berasal dari kaum Quraisy, Taimi, Bakri, dan Madani. Beliau dilahirkan pada masa pemerintahan Imam Ali r.a. Oleh itu, sanad riwayatnya melalui ayahnya dan datuknya terputus, kerana keduanya tidak sempat bertemu dengan ayah beliau. Al-Qasim dibesarkan di bawah asuhan ibu saudaranya, Ummul Mukminin Aisyah r.a, dan beliau mendalami ilmu daripadanya, serta banyak meriwayatkan hadith daripadanya. Dan beliau meriwayatkan dari Ibn Mas'ud secara mursal, serta dari Zainab binti Jahsh secara mursal. Al-Qasim ibn Muhammad ibn Abu bakar wafat di qudaid pada tahun 105 hijrah (az-Zahabi, 2001).

Nama	Nama
Aisyah	Asma' binti 'Umis
Fatimah binti Qais	Abu Hurairah
Abdullah ibn Abbas	Rafi' ibn Khadij
Abdullah ibn Khabbab	Abdullah ibn 'Amru
Muawiyah	Soleh ibn Khawwat
Abdul Rahman ibn Yazid ibn Jariah	Mujammi' ibn Yazid ibn Jariah

Jadual 7: Senarai guru kepada al-Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakar

Nama	Nama
Abdul Rahman ibn al-Qasim	Nafi' al-Umari
'Amir ibn Syarahil al-Sya'bi	Salim ibn Abdillah
Abu Bakar ibn Hazm	Az-Zuhri
Ibn Abi Malikah	Saad ibn Ibrahim
Humayd ibn al-Tawil	Ayyub
Rabiah ibn Abdul Rahman	Ubaidullah ibn Umar
Abdullah ibn 'Aun	Rabiah ibn 'Atho'
Ja'far ibn Muhammad	Thabit ibn Ubayd
Yahya ibn Said al-Anshori	Saad ibn Said al-Anshori
Syaibah ibn Nashoh	Talhah ibn Abdul Malik
'Asim ibn Ubaidillah	Abu Zinad Abdullah ibn Zakwan
Ubaidullah ibn Abi al-Zinad	Umar ibn Abdullah ibn Urwah
Isa ibn Maimun al-Wasithi	Qutaibah

Jadual 8: Senarai anak murid kepada al-Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakar

Biodata Salman al-Farisi

Beliau adalah Abu 'Abdullah Salman Al-Farisi, juga dikenali sebagai Salman Al-Khair, pembantu Rasulullah s.a.w. Asalnya dari Parsi, beliau mengembara mencari agama, kemudian memeluk agama Nasrani dan mempelajari kitab-kitab mereka. Beliau mempunyai kisah-kisah yang panjang dan bernilai. Akhirnya, beliau bertemu dengan Rasulullah s.a.w, lalu beriman kepadanya dan menjadi seorang Muslim yang baik. Beliau menjadi pemuka di kalangan umat Islam.

Dalam Musnad, terdapat enam puluh hadith darinya, sementara al-Bukhari meriwayatkan empat hadith darinya dan Muslim meriwayatkan tiga hadith. Beliau adalah seorang yang cerdas dan tegas, termasuk dalam kalangan lelaki yang bijaksana, ahli ibadah, dan mulia (az-Zahabi, 2001). Salman termasuk dalam kalangan sahabat yang terbaik, zuhud, dan terkemuka, serta memiliki kedudukan yang dekat dengan Rasulullah s.a.w. Aisyah berkata, "Salman mempunyai majlis khusus bersama Rasulullah s.a.w. pada waktu malam, sehingga hampir-hampir mengalahkan kami dalam hal kedekatan kepada Rasulullah (Ibn al-Athir, 1989).

Nama	Nama
Abdullah ibn Abbas	Anas ibn Malik
Abu al-Thufail	Abu Uthman ibn Nahdi
Syarahbil ibn al-Simt	Abu Qurrah Salamah ibn Muawiyah al-Kindi
Abdul Rahman ibn Yazid al-Nakhaie'	Abu Umar Zazan
Abu Zabyan Hushain ibn Jundub	Qarsa' al-Dhabbi al-Kufiyyin
Abdullah ibn Wadi'ah	

Jadual 9: Senarai anak murid yang meriwayatkan hadith daripada Salman al-Farisi.

Imam al-Bukhari meriwayatkan hadith Salman al-Farisi daripada Abu Uthman ibn Nahdi dan Abdullah ibn Wadi'ah dalam Sahih al-Bukhari (al-Baji, 1986). Manakala Imam Muslim membawa riwayat atau hadith Abdul Rahman ibn Yazid al-Nakhaie', Syarahbil ibn al-Simt, Abu Uthman ibn Nahdi daripada salman di dalam Sahih Muslim (Ibn Manjawaiyh, 1987). Salman al-Farisi wafat pada zaman pemerintahan Amir al-Mukminin Uthman ibn Affan (al-Khatib al-Baghdadi, 2002) pada tahun 35 hijrah (Ibn Abdilbar, 1960).

KESIMPULAN

Riwayat Abu Yazid al-Bisthomi merupakan antara sanad utama yang menjadi pegangan dalam silsilah Tarekat Naqsyabandiyyah dan dikenali sebagai 'silsilah emas'. Namun, penelitian terhadap riwayat ini mendapati terdapat beberapa permasalahan, khususnya berkaitan dengan terputusnya sanad yang menghubungkan kepada Abu Bakar as-Siddiq. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan pertemuan antara Abu Yazid al-Bisthomi, yang lahir pada tahun 180 Hijrah, dengan Ja'far as-Sadiq yang wafat lebih awal, iaitu pada tahun 148 Hijrah. Di samping itu, riwayat tersebut juga tidak menggunakan lafaz-lafaz periwayatan seperti haddathana, akhbarana atau anba'na yang menjadi kebiasaan dalam menunjukkan periwayatan secara langsung antara perawi.

Selain itu, Abu Yazid al-Bisthomi tidak dikenali sebagai tokoh yang banyak meriwayatkan hadis daripada Nabi Muhammad s.a.w. Dalam pada itu, al-Qasim yang diketahui banyak meriwayatkan hadis daripada ibu saudaranya, Ummu 'Abdillah Aisyah r.a., tidak terdapat bukti yang menunjukkan beliau mengambil atau meriwayatkan hadis daripada Salman al-Farisi r.a. Walaupun Salman al-Farisi diketahui meriwayatkan beberapa hadis daripada para sahabat yang lain, tiada catatan dalam kitab-kitab rijal al-hadith yang menyatakan beliau meriwayatkan hadis daripada Abu Bakar as-Siddiq r.a. Justeru, sanad ini tidak memenuhi syarat pertama bagi

penilaian sesuatu hadis sebagai sahih, iaitu bersambunganya sanad (ittisal al-sanad) yang membuktikan adanya pertemuan dan periwayatan secara langsung antara perawi. Oleh itu, sanad ini tidak boleh disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Kajian ini menunjukkan bahawa silsilah Tarekat Naqsyabandiyah, khususnya yang menyandarkan sanad kepada Abu Yazid al-Bisthomi sebagai sebahagian daripada "rantai emas", memerlukan penilaian semula. Kewujudan sanad yang tidak bersambung menimbulkan keraguan terhadap keabsahan rantai tersebut. Pemutusan sanad dalam riwayat Abu Yazid al-Bisthomi turut memberi kesan terhadap tahap keyakinan pengikut tarekat terhadap kesahihan ajaran yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad s.a.w. Hasil kajian ini mengingatkan para pengkaji dalam bidang hadis dan tasawuf agar lebih berhati-hati dalam menerima riwayat, terutamanya yang melibatkan tokoh-tokoh utama dalam tradisi tarekat. Di samping itu, kajian ini turut membuka ruang kepada penilaian kritikal terhadap tradisi tarekat melalui penelitian yang lebih mendalam terhadap keabsahan sanad dan isi ajaran yang diwarisi.

Untuk kajian lanjutan, penyelidikan yang lebih mendalam perlu dilaksanakan terhadap ke'adalah dan kedhabitan para perawi bagi menilai ketulenan sanad-sanad lain dalam silsilah Tarekat Naqsyabandiyah serta tarekat-tarekat lain yang mendakwa mempunyai hubungan langsung dengan Nabi Muhammad s.a.w. Di samping itu, kajian historiografi yang meneliti biografi tokoh-tokoh seperti Abu Yazid al-Bisthomi dan Ja'far as-Sadiq dapat membantu memperjelas latar belakang riwayat yang dikaitkan dengan mereka. Usaha ini seterusnya dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan mendalam terhadap konteks sejarah riwayat tersebut.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel ini. Kajian ini telah dibiayai melalui peruntukan yang disalurkan oleh Fakulti al-Quran dan as-Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). Segala kelemahan dalam penulisan ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

SUMBANGAN PENGARANG

Artikel ini telah dilakukan secara bersama-sama daripada awal draf sehingga diterbitkan. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

Jurnal

- Abd Kadir, F., & Shamsudin, R. (2022). Manhaj Kritikan Muḥaddithūn Terhadap Riwayat Sirah Dan Penerapannya Dalam Penulisan Sirah. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 18(1), 47-70.
- Anshori, M. 2016. Kajian Ketersambungan Sanad (Ittiṣāl Al-sanad). *Jurnal Living Hadis*, 1(2), 294-323.
- Azizan, A. S. M., Nor, Z. M., & Hamdan, M. A. M. (2024). Metodologi Kritikan Sanad Riwayat Sirah. *Journal Of Hadith Studies*, 81-89.
- bin Azlan, U., & bin Aris, H. (2024). Kepentingan Menganalisis Status Perawi Hadis Dengan Neraca Ilmu Al-Jarh Wa Al-Ta'dil: Tumpuan Terhadap Status Periwaiyatan Abu Hanifah. *Journal Of Hadith Studies*, 110-120.
- Dzulraidi, D. H. (2025). Metodologi Muslim Bin Al-Hajjāj Dalam Kritik Perawi: Kajian Terhadap Muqaddimah Sahīh Muslim. *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 12(1), 1-16.
- Kudhori, M. 2018. Metode Kashf Dalam Penilaian Hadis: Studi Tashih Hadis Di Kalangan Kaum Sufi. *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 14(1), 27-48.
- M Azizan, A. S., Nor, Z. M., & Mohd Hamdan, M. A. 2024. Metodologi Kritikan Sanad Riwayat Sirah: Satu Kajian Terhadap Akram Ḍ.iyā' al'umarī Dalam Karyanya Al-Sirah Alnabawiyah Al-Ṣ.ah.īh.ah. *Journal of Hadith Studies (25501448)*, 9(1).
- Nadhiran, H. 2014. Kritik Sanad Hadis: Tela'ah Metodologis. *Jurnal Ilmu Agama: Mengkaji Doktrin, Pemikiran, Dan Fenomena Agama*, 15(1), 91-109.
- Rahim, Z. N. A., Wazir, N. S. M., Solihan, S. B., & Rosman, N. N. N. (2017). Kritikan Goldziher Terhadap Riwayat Abu Hurairah: Analisis Terhadap Hadith Anjing Tanaman. *Journal Of Hadith Studies*.
- Rahman, M. S. 2016. Kajian Matan Dan Sanad Hadits Dalam Metode Historis. *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah*, 8(2).

- Ridzuan, A. R., Sharipp, M. T. M., Suyurno, S. S., & Aini, Z. 2021. Adaptasi Syarat Hadith Sahih Sebagai Kaedah Penentu Kesahihan Komunikasi Maklumat Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(41).
- Sari, M. R. 2020. Dampak Penyebaran Hadis Lemah dan Palsu dalam Tatahan Kehidupan Bermasyarakat. *El-Sunnah: Jurnal Kajian Hadis dan Integrasi Ilmu*, 1(1), 99-110.
- Suryadilaga, M. A. 2014. Kajian Hadis Di Era Global. *Esensia*, 15(2), 199-211.
- Zulkifli, M., Abd Rahman, M. F., & Rushihi, A. A. 2022. Analisis Perbandingan Taṣḥīḥ. ḥ. ḥ. Hadith dari Perspektif Kaedah Kasyaf Ahli Sufi dan Syarat-syarat Penerimaan Hadith Menurut Ulama Hadith. *Al-Takamul al- Ma'rifi*, 5(1), 1-15.

Buku

- Badrul al-Din, ibn Jamaah. (1985). *Al-Manhal al-Ruwi fi Mukhtasar 'Ulum al-Hadith al-Nabawi*. Ed. Dr. Muhyiddin Abdul Rahman Ramadan. Cet. II. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Ibn abdilbar. (1960). *Al-Isti'ab fi Ma'rifat al-Aṣḥab*. Ed. 'Ali Muḥammad al-Bijawi Dar al-Jil. Beirut - Lubnān.
- Ibn Abi Hatim. (1952). *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Majlis Da'irat al-Ma'arif al-'Uthmaniyah, bi-Ḥ.aydar Abad al-Dakan - al- Hind.
- Ibn al-Athir. (1989). *Usdu al-Ghabah fi Ma'rifat al-Ṣaḥabah*. Ed. Muḥammad Ibrāhīm al-Bannā - Muḥammad Aḥmad 'Āshūr - Maḥmūd 'Abd al-Wahhāb Fāyid. Dār al-Fikr, Bayrūt - Lubnān.
- Ibn al-Salah. (1972). *'Ulum al-Hadith*. Madinah: al-Maktabah al-Ilmiyah.
- Ibn al-Salah. (2002). *Muqaddimah Ibn al-Salah fi Ulum al-Ḥadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, cet-II. Ibn Hajar, al-'Asqalani. 2020. Nukhbat al-Fikr fi Mustalah Ahl al-Athar. Cet. II.
- Ibn Manjawaiyh. (1987). *Rijāl Ṣaḥīḥ Muslim*. Ed. Abd Allāh al-Laythī. Dār al-Ma'rifah - Bayrūt Kamaruddin Amin, 2009. Menguji Kembali Keakrutan Metode Kritik Hadis. Jakarta: PT . Mizan Publika.

- M. Syuhudi Ismail. (1988). *Kaedah Kesahihan Sanad Hadith: Telaah kritis dan Tinjauan dengan pendekatan Ilmu Sejarah*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Muhammad Anas. (2019). *Qabul al-Hadith wa Raddihi 'Ind Ibn 'Arabi; al-Tashih bi al-Kasyf wa Manzilatuhu min Nazariah al-Isnad*. Mukhtar Ibn al-'Arabi al-Duali.
- Muhammad Asri Yusoff. (2016). *Sesi 44 - Tentang Membunuh Orang-orang Perempuan - [Sunan Abi Daud - Kitab Jihad]*
- Muslim, Abu al-Hajjaj. (1955). *Sahih Muslim*. Kaherah. Ed. Abdul Baqi.
- Zahabi. (2001). *Siyaru 'Alamu an-Nubala'*. Muassasah al-Risalah.

Laman Web

- Akiti, M. A. (2022, October 6). *Sanad Naqsyabandiyah Terputus Pada Saydina Al-Qasim & Sayyidina Salman Al-Farisi?*. [Video]. Youtube. www.youtube.com/watch?v=6hNUJyrNSwQ
- [Video]. Youtube. www.youtube.com/watch?v=55fwqYGWU5Q
- Ramli, R. (2023, December 27). *Kesan Tarekat Yang Bercanggah Dengan Ahli Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah*. [Video]. Youtube. www.youtube.com/watch?v=mvz3u8GfxqY
- Salman, A. (2022, Jun 25). *Salman Ali VS Arg: Pemikiran Sheikh Nazim Al-Haqqani - Menurut Ahlus Sunnah Wal Jamaah*. [Video]. Youtube. www.youtube.com/watch?v=VhYHg5uW4vA